

**PEMBERITAHUAN WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : MQT**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI  
ZAKARIA [ PARIT ]**

**TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah kes keganasan rumah tangga yang telah dilaporkan sepanjang tempoh PKP dilaksanakan serta apakah bentuk sokongan kepada mangsa keganasan rumah tangga yang telah diberikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan yang mendalam dari segi ekonomi dan sosial kepada rakyat kita. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan menyatakan komitmen dalam menangani krisis institusi keluarga kesan dari pandemik COVID-19.

Berdasarkan statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), jumlah kes keganasan rumah tangga bagi tahun 2020 ialah 5,260 kes. Terdapat penurunan jika dibandingkan pada tahun 2019 iaitu 5,657 kes. Manakala bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021 ialah sebanyak 4,905 kes.

Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai Mac hingga Disember 2020 telah dicatatkan sebanyak 4,110 kes manakala Januari hingga Ogos 2021 ialah sebanyak 4,905 kes. Oleh itu, jumlah kes yang direkodkan mulai Mac 2020 hingga Ogos 2021 ialah sebanyak 9,015 kes.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara inisiatif yang telah dijalankan dan masih diteruskan adalah seperti berikut:

**1) Talian Kasih 15999**

KPWKM telah memperluaskan usaha mempromosikan perkhidmatan aduan atas talian melalui “Talian Kasih 15999” dan aplikasi WhatsApp 019-26 15999. Perkhidmatan ini beroperasi 24 jam setiap hari sebagai *single point of contact* kepada semua masyarakat bagi mengemukakan aduan, mendapatkan khidmat nasihat serta mengakses bantuan dan sokongan yang disediakan oleh KPWKM termasuk perkhidmatan psiko-sosial. Ini dapat membantu orang awam atau mangsa dilengkapi dengan maklumat utama agar tidak terus berada dalam kitaran keganasan rumah tangga yang mengancam diri sendiri dan ahli keluarga lain serta

mendorong mana-mana pihak yang terkesan untuk tampil melaporkan kes seumpama ini yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan laporan Talian Kasih dari Mac hingga Disember 2020, sebanyak 2,286 aduan dan pertanyaan yang telah dicatatkan manakala dari Januari hingga Ogos 2021, sebanyak 2,248 aduan dan pertanyaan telah dicatatkan.

**2) Hebahan dan Program Advokasi**

- a. Hebahan dan program advokasi berkaitan keganasan rumah tangga telah dilipatgandakan melalui media sosial, media elektronik, media cetak, yang antaranya infografik berkaitan tafsiran, jenis keganasan rumah tangga, kumpulan yang dilindungi dan perkhidmatan yang disediakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 termasuk Sistem Pesanan Ringkas Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- b. **Melaksanakan program kesedaran dan jelajah** bagi memberi kesedaran dan advokasi kepada masyarakat sama ada ia dilaksanakan oleh JKM atau kerjasama dengan agensi lain; Sehingga **Jun 2021**, sebanyak **22 jelajah** telah dilaksanakan di peringkat negeri atau daerah; dan
- c. KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) giat mengadakan pelbagai program pendidikan sepanjang tahun dengan mengikut kesesuaian semasa iaitu secara dalam talian ke arah penyelesaian dalam menangani perkara tersebut antaranya melaksanakan program psikopendidikan melalui DeStress Clinic, Klinik Undang-Undang dan Wanita Anti Jenayah. Sehingga 31 Ogos 2021, sebanyak 1,284 program pemerksaan wanita telah dilaksanakan oleh JPW melibatkan 711,064 peserta di seluruh negara.

**3) Program Keusahawanan**

- a. Bagi membantu wanita yang terjejas pendapatan, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita turut bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk menawarkan program kemahiran khususnya dalam bidang keusahawanan serta menjadi penghubung kepada pelbagai industri melalui karnival kerjaya yang melibatkan 3,785 peluang pekerjaan.
- b. Selain itu, wanita daripada kategori B40 dan Ibu Tunggal juga berpeluang untuk menjana pendapatan dan menceburi bidang asuhan dan jagaan kerana Institut Sosial Malaysia turut menawarkan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA secara percuma. Pada tahun 2020, seramai 180 orang peserta telah mengikuti kursus tersebut dan program ini turut diadakan pada tahun 2021.

**4) Skwad WAJA**

- a. Skwad WAJA memberi panduan kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita serta membantu mangsa untuk merujuk kes kepada pihak yang berwajib dan mendapatkan pertolongan profesional. Program ini dilihat dapat membantu komuniti dalam memberi kesedaran mengenai kepentingan menangani isu-isu jenayah selain menjadikan komuniti lebih berdaya saing serta mampu menjana pendapatan dengan kemahiran yang akan diberikan oleh Skwad WAJA dalam komuniti.
- b. Sukarelawan Skwad WAJA melaksanakan pelbagai aktiviti psikososial dalam komuniti meliputi bimbingan, nasihat dan rujukan kepada pihak-pihak berkaitan.

**5) Perkhidmatan Kaunseling dan Psikososial**

- a. Perkhidmatan kaunseling dan psikososial melalui Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) turut diadakan bagi membantu mangsa-mangsa keganasan rumah tangga.

**6) Tempat Selamat serta Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)**

- a. KPWKM turut sentiasa memastikan perkhidmatan perlindungan seperti penyediaan Tempat Selamat serta Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) dapat diakses oleh mangsa keganasan rumah tangga bagi menjarakkan mangsa daripada pelaku untuk mengelakkan kejadian tersebut terus berlaku.

Sekian, terima kasih.